


PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG
30 OGOS 2016
SELASA



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
HARIAN METRO	JEREBU SEDERHANA	2



HARIAN METRO

HM 30/8/2016

FOTO: ZULKARNAIN AHMAD TAJUDDIN

Jerebu sederhana

■ Kualiti udara di Pasir Gudang semakin baik



Izlaily Nurul Ain Hussein
izlaily@hmetro.com.my

di Johor Bahru

Johor Bahru

Keadaan jerebu di negeri ini mencatatkan bacaan Indeks Penjemaran Udara (IPU) pada tahap sederhana dan menurun sejak pagi semalam.

Penelitian dari jam 6 pagi hingga jam 4 petang semalam mendapat bacaan IPU di Pasir Gudang di sini, menurun daripada 76 kepada 69.

Bacaan itu menunjukkan perubahan ketara berbanding bacaan IPU tertinggi yang dicatatkan di Pasir Gudang iaitu 104 pada Sabtu

lalu, sekali gus menunjukkan kualiti udara ketika itu berada pada tahap tidak sihat.

Tiga kawasan lain yang menunjukkan bacaan IPU pada tahap sederhana sehingga jam 4 petang semalam adalah Kota Tinggi (65), Larkin Lama (62) dan Muar (59).

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar negeri Datuk Ayub Rahmat berkata, tindakan tegas perlu diambil kerajaan pusat dalam usaha menyelesaikan masalah jerebu yang boleh dianggap sebagai 'acara tahunan' di negara ini.

“Kerajaan kena tegas, mencari punca kepada permasalahan ini, sama ada puncanya domestik atau negara jiran. Kami tidak mahu hanya bacaan IPU yang di keluarkan, kerana sudah tiga tahun ia berlaku, ia perlu

dihentikan,” katanya dalam satu majlis di sini, kelmarin.

Beliau berkata, secara jelas, isu jerebu itu berpuncak dari negara jiran yang tidak berupaya mengawal kebaikan terburuk di negara berkenaan, sekali gus membuat penduduk negara ini menanggung akibatnya.

“Banyak persoalan yang dibangkitkan, seperti apakah rakyat kita yang terbatit dalam isu jerebu ini boleh membuat tuntutan insurans atau adakah negara kita boleh menyaman mereka yang menjadi punca masalah ini?

“Ini semua perlukan jawapan yang jelas, maka ia harus mempunyai penyelesaian segera dan kerajaan perlu tegas,” katanya.

